

**PERATURAN PERTANDINGAN
PETANQUE LELAKI & WANITA
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Petanque Lelaki & Wanita Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persekutuan Petanque Malaysia (PPM) dan International Federation of Petanque Jue Provencal (FIPJP). dan Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 2.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal akan Pertandingan Petanque Persatuan Badan Berkanun Malaysia adalah muktamad.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakan.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh jawatankuasa teknikal dan Pertandingan;
- 5.2 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	8 orang
JUMLAH		10 orang

6.0 CARA PERTANDINGAN

- 6.1 Kejohanan ini adalah diantara pasukan.
- 6.2 Acara yang akan dipertandingkan adalah:
 - 6.1.1 Perseorangan (single)
 - 6.1.2 Berdua (double)
 - 6.1.3 Bertiga (triples)
- 6.3 Permainan akan dijalankan mengikut disiplin permainan.
- 6.4 Penggunaan bola untuk pertandingan yang diiktiraf sahaja dibenarkan semasa pertandingan.
- 6.5 Setiap perlawanan akan dihadkan masa selama 2 jam sahaja.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Sistem pertandingan akan mengikut Perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia;
- 7.2 Pusingan awal akan dijalankan secara liga berkumpulan dan pusingan seterusnya sehingga pusingan akhir akan dijalankan secara kalah mati.
- 7.3 Tertakluk kepada Jawatankuasa Pertandingan.
- 7.4 Pemberian mata untuk perlawanan liga:
 - Menang : 2 mata
 - Kalah : 0 mata
- 7.5 Diakhir pusingan liga, pasukan yang mendapat mata terbanyak dikira menang. Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama:
- 7.6 Pemenang perlawanan antara pasukan tersebut akan menjadi penentu kepada pemenang.
- 7.7 Sekiranya tiga (3) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, pemenang akan ditentukan dengan urutan berikut:
- 7.8 Margin (bezaset) yang tertinggi diisytihar sebagai pemenang. (pasukan terlibat sahaja). Jika masih seri,
- 7.9 Bilangan set menang tertinggi. (pasukan terlibat sahaja). Jika masih seri,
- 7.10 Margin (bezaskor) yang tertinggi diisytihar sebagai pemenang. (pasukan terlibat sahaja). Jika masih seri,
- 7.11 Jumlah skor tertinggi diisytihar pemenang. (pasukan terlibat sahaja)
- 7.12 Sekiranya masih tiada keputusan, kaedah yang sama akan digunakan dan melibatkan semua pasukan dalam kumpulan tersebut.

8.0 PAKAIAN

- 8.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan.
- 8.2 Setiap pemain mestilah memakai seluar" slack" atau seluar" track", berbaju tshirt berkolar dan berkasut sukan.

8.3 Seluar" jeans" adalah tidak dibenarkan.

9.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

9.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.

10.0 BANTAHAN

10.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

11.0 KEADAAN LUAR JANGKA

11.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.